



PESERTA yang menyertai Bengkel Penulisan Artikel Majalah dan Akhbar anjuran Kumpulan Pengurusan dan Profesional universiti, Persatuan Pegawai Tadbir dan Ikhtisas (Pragmatis) USIM di Nilai, baru-baru ini.

Bengkel tingkat kemahiran menulis di USIM

SEREMBAN 4 Feb. - Kumpulan Pengurusan dan Profesional (P&P) universiti, Persatuan Pegawai Tadbir dan Ikhtisas (Pragmatis), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) mengambil inisiatif menganjurkan Bengkel Penulisan Artikel Majalah dan Akhbar, di sini baru-baru ini.

Bengkel yang dikendalikan Munsyi Sastera, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Anisah Haron itu disertai sebanyak 23 peserta terdiri daripada kakitangan USIM dan beberapa institusi pengajian tinggi awam (IPTA) lain.

Bengkel dua hari itu turut disertai oleh peserta dari Universiti Malaysia Sabah (UMS), Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti

Putra Malaysia (UPM).

Objektif utama bengkel itu adalah memberikan pendedahan awal sekali gus memupuk minat menulis terhadap peserta.

Menurut peserta program, Nor Azzah Momin, antara pengisian menarik adalah peserta didedahkan dengan kaedah pencarian idea untuk menulis, penulisan yang baik, ilmu berkenaan tata bahasa, ruang dan peluang menulis serta motivasi untuk menulis.

“Bengkel Penulisan Artikel Majalah dan Akhbar seperti ini amat baik kerana secara tidak langsung, dapat menaikkan kedudukan sesebuah universiti dalam Malaysia Research Assessment (MyRA) di mana jumlah penulisan dalam akhbar dan

majalah turut dikira sebagai salah satu komponen dalam penilaian,” katanya di sini baru-baru ini.

Bengkel itu bukan sahaja memupuk minat menulis malah memberi nilai tambah kepada peserta berhubung kemahiran menulis.

Inisiatif tersebut juga secara tidak langsung berupaya menggalakkan budaya membaca serta menjadikan mata pena sebagai medan perkongsian ilmu pengetahuan bersama masyarakat melalui penulisan separa ilmiah yang diterbitkan.

Di samping itu, peserta yang melibatkan diri secara aktif dalam bidang penulisan turut mampu meningkatkan prestasi kerja mereka serta mempromosikan universiti dan imej perkhidmatan masing-masing.